

Headline Mimos Cooperate With Kedah ICT Holding (Mimos Jalin Ke...
Date 16. Aug 2007 **Language** MALAY
Media Title Majalah PC **Page No** 27
Section NEWS **Article Size** 223 cm2
Circulation 2500 **Frequency** Monthly
Readership 5000 **Color** Full Color



MIMOS JALIN KERJASAMA DENGAN KEDAH ICT HOLDING

Promosikan Agribazaar dan Portal Kedah Menggunakan MyGfi


MIMOS secara rasminya menjalin kerjasama dengan Kedah ICT Holding Sdn Bhd (KICT), subsidiari Kedah Chief Minister Inc dengan menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) baru-baru ini. Menerusi perjanjian tersebut, MIMOS akan berkerjasama dengan KICT mempromosikan Agribazaar dan pemindahan teknologi ke KICT untuk pembangunan portal Kedah menggunakan MyGfi.

Pada majlis menandatangani perjanjian tersebut, MIMOS diwakili Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Dato" Abdul Wahab Abdullah manakala KICT diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shaharin Saman. Menteri Besar Kedah, Dato" Seri Mahdzir Khalid turut hadir menyaksikan perjanjian.

Majlis menandatangani perjanjian itu diadakan sehubungan dengan Karnival Teknologi, Komunikasi dan Informasi (ICT) Kedah



Shaharin Saman (kiri) dan Dato" Abdul Wahab (kanan) di majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara MIMOS dan KICT sambil disaksikan Dato" Seri Mahdzir Khalid (tengah).



Menteri Besar Kedah, Dato" Seri Mahdzir (kiri) memberi sokongan kepada peserta pertandingan e-mewarna menggunakan infrastruktur ICT K-Wheel MIMOS bersempena Karnival ICT Kedah 2007.

yang berlangsung dari 8 hingga 10 Jun lalu di Alor Star, anjuran Kerajaan Negeri Kedah dan KICT. Bertemakan "Jalur Lebar di Setiap Rumah", karnival berkenaan mensasarkan komuniti di Kedah untuk membina cara hidup berteknologi dan mahir ICT.

Kira-kira 100,000 pengunjung terdiri daripada pelajar, usahawan ICT, pegawai kerajaan, ahli akademik dan masyarakat umum membanjiri karnival selama tiga hari itu.

MIMOS turut memperkenalkan K-Wheel iaitu bas mobil dilengkapi komputer; Agribazaar iaitu hab talian berasaskan Internet untuk pembeli dan penjual produk agrikultur; dan MyGfi iaitu pusat satu henti untuk kandungan pembelajaran talian diyakini dalam mempromosikan dan menyokong pembelajaran di Malaysia selaras matlamat membina masyarakat berpengetahuan.